

Tindakan diambil tanpa perlu menunggu laporan — PM Jika Rahim bersalah

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

GENTING HIGHLANDS 28 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan jikalau berlaku perkara yang salah, kadangkala kerajaan akan tetap bertindak tanpa perlu menunggu sebarang laporan.

“Kalau orang samun, kita tengok dia samun, kita nak tanya dia lapor tak lagi... susahlah,” kata beliau apabila diminta komentarnya mengenai kes yang memabitkan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Karnival Equestrian Merdeka Kali Ketiga di sini.

Inilah kali kedua Dr. Mahathir mengulas isu yang melibatkan Ketua Pemuda UMNO itu.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan

akan tetap meneruskan siasatan terhadap Rahim berhubung dakwaan bahawa beliau mempunyai hubungan dengan seorang gadis pelajar sekolah walaupun tiada laporan polis dibuat.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, adalah lebih mudah jika mereka yang terlibat membuat laporan bagi membolehkan siasatan lebih terperinci dijalankan.

“Kalau orang terlibat membuat laporan sudah tentu ia lebih mudah,” katanya.

Ditanya adakah beliau sudah menerima laporan daripada mana-mana pihak, Dr. Mahathir berkata, jika pihak yang bertanggungjawab berpendapat bahawa mereka boleh menjalankan siasatan sudah tentu mereka akan memberi sedikit sebanyak laporan kepada beliau.

Perdana Menteri juga menegaskan, beliau tidak akan menghalang mana-mana pihak yang bertanggungjawab untuk menja-

■ Lihat muka 2

Jika Rahim bersalah

lankan siasatan jika mereka berpendapat mereka berkuasa berbuat demikian.

“Saya serah kepada orang yang bertanggungjawab. Kalau mereka berpendapat bahawa dia ada kuasa, kita tidak akan halang,” katanya.

Mengenai kenyataan Peguam Negara, Datuk Mohtar Abdullah bahawa siasatan masih boleh diteruskan walaupun tiada laporan polis, Dr. Mahathir berkata, “kalau itu pendapat pihak yang dipertanggungjawabkan, mereka boleh teruskan.”

Semalam, Peguam Negara juga berkata, memandangkan kes tersebut telah menimbulkan perhatian, polis boleh menjalankan siasatan untuk menentukan kebenaran dakwaan itu walaupun tiada laporan dibuat.

Dalam perkembangan yang sama, Rahim juga berkata, beliau telah menemui Dr. Mahathir sekali lagi kelmarin bagi membincangkan dakwaan itu.

Rahim berkata, beliau telah menjadi mangsa khabar angin dan menyifatkan dakwaan kononnya dia mempunyai hubungan dengan gadis berumur 15 tahun itu sebagai bermotifkan politik.

Beliau juga menafikan sekali lagi bahawa beliau mempunyai sebarang hubungan dengan gadis yang diheboh-hebohkan itu atau dengan mana-mana perempuan jua.